**SUKATAN PEPERIKSAAN *ONLINE* MEMASUKI SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N29**

## SEKSYEN A – PENGETAHUAN AM

Dalam seksyen ini, calon dikehendaki mengetahui secara umum berkaitan dengan pengurusan sumber manusia, perancangan dan pentadbiran sosial/ infrastruktur, pentadbiran kerajaan, ekonomi, sejarah, pengurusan teknologi maklumat & komunikasi, keselamatan dan lain-lain perkembangan semasa di dalam dan luar negara.

### Contoh Soalan

Dalam perisian *Microsoft Word*, apakah butang pada papan kekunci yang perlu ditekan sekiranya kita ingin menyalin sesuatu teks?

A. Ctrl & C

B. Shift & C

C. Ctrl, Alt & C

D. Ctrl, Shift & C

## SEKSYEN B – DAYA MENYELESAIKAN MASALAH

Seksyen ini mengukur daya menyelesaikan masalah calon dengan menggunakan item-item yang berkonsepkan perkara-perkara berikut:

(i) Kemahiran Logik

(ii) Kemahiran Menginterpretasi Data

(iii) Konsep Matematik dan Akaun

**(i) Kemahiran Logik**

Calon diuji dari aspek pengetahuan, kemahiran berfikir serta kemahiran mengaplikasi maklumat.

**(ii) Kemahiran Menginterpretasi Data**

Calon diuji dengan menggunakan pelbagai perangkaan dan data-data untuk dianalisis.

**(iii) Konsep Matematik dan Akaun**

Calon diuji dengan konsep Matematik dan Akaun, kemahiran *numeric* serta kuantitatif untuk mengukur kemahiran asas matematik, pemahaman konsep dan kebolehan berfikir secara kuantitatif.

## Contoh Soalan

Sebuah mesin dapat mencetak 20 keping kad ucapan dalam masa 15 saat. Berapa kepingkah kad ucapan yang dapat dicetak oleh mesin itu dari 10.15 pagi hingga 11.10 pagi pada hari yang sama

A. 3,400
B. 3,600
C. 4,000
D. 4,400